

13 MAY 2000

Umno-Gulung (Najib)

UMNO AKAN LAKSANA PROGRAM LATIHAN UNTUK KUATKAN PARTI

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Umno akan melaksanakan program latihan untuk anggotanya secara menyeluruh bagi mengukuhkan parti, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurutnya Umno juga akan memberi insentif kepada cawangan-cawangan parti bagi meningkatkan jumlah pengundi berdaftar dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Najib berkata banyak anggota parti menyebut mengenai perlunya parti diperkukuhkan di semua peringkat kerana ada yang berpendapat bahawa kalau kerajaan kuat tidak semestinya parti kuat.

"Oleh kerana ramai perwakilan telah menyebut soal latihan dalam Umno, saya ingin memaklumkan bahawa tindakan telah diambil supaya program latihan besar-besaran dalam Umno akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi", katanya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-54 yang berlangsung selama tiga hari.

Najib berkata pada masa ini pengisian dan kurikulum untuk program latihan anggota Umno secara besar-besaran sedang digubal oleh sebuah jawatankuasa yang dijangkakan siap dalam sedikit masa lagi.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah meminta anggota Majlis Tertinggi (MT) mengemukakan 10 nama yang akan menjadi barisan jurulatih Umno untuk diberi taklimat dan mendengar amanat beliau, kata Najib yang juga Menteri Pertahanan.

Selain latihan, tiga nilai iaitu rasa bertanggung jawab, ingin berkhidmat dan rasa kepunyaan harus diterapkan di semua peringkat untuk mengukuh parti, katanya.

Najib juga berkata tidak ada maknanya jika Umno mempunyai 2.8 juta anggota tetapi sebahagian daripadanya mereka tidak mendaftar sebagai pengundi.

Untuk tujuan itu, MT memutuskan untuk memberi galakan kepada setiap cawangan yang dapat mendaftarkan anggota mereka sebagai pengundi berdaftar yang baru, katanya.

Najib berkata: "MT telah memutuskan supaya galakan diberi kepada cawangan iaitu ibu pejabat akan menyumbang RM3 bagi setiap pengundi baru yang didaftarkan oleh cawangan parti."

Beliau mengakhiri penggulungannya dengan serangkap pantun empat kerat:

Dalam semak ada duri

Burung kedidi membuat sarang

Kita tumpu daftar pengundi

Insyallah pilihan raya ke-11 kita gemilang.

-- BERNAMA

MK LAT